

SANAD AL-QURAN: KEPENTINGAN DAN KEPERLUANNYA

Mohd Hasbie al-Shiddieque Ahmad, Siti Mursyidah Mohd Zin

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

alshiddieque@kuis.edu.my

Khairul Anuar Mohamad
Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Pengajian sanad sering kali dikaitkan dengan ilmu hadis yang merangkumi ilmu riwayat dan dirayah. Secara khususnya, pengajian sanad menfokuskan kepada ilmu dirayah bagi menentukan kedudukan hadith yang dibawa oleh perawi hadith. Di samping itu, pengajian al-Quran juga mempunyai kesinambungan salasilah sanad terus kepada Nabi Muhammad saw. Walaupun diketahui antara syarat penerimaan bacaan al-Quran adalah bacaan yang mutawatir sahaja. Namun, masih terdapat kepentingan sanad dalam pembelajaran al-Quran. Kajian ini menfokuskan kepentingan pengajian sanad al-Quran menerusi pengertian talaqqi, Ijazah atau syahadah, dan sanad. Kajian ini menggunakan metod kualitatif sebagai instrumen kajian. Antara pendekatan yang ambil ialah penelitian terhadap kitab-kitab dan temu ramah di kalangan pakar al-quran. Dapatan kajian secara keseluruhannya adalah untuk merungkai dan mengenal pasti kepentingan sanad al-Quran dalam pengajian al-Quran. Oleh yang demikian, pengkhususan sanad tidak menfokuskan kepada hanya kepada pengajian hadith semata-mata. Malah terdapat beberapa persamaan dan perbezaan di antara method al-quran dan al-hadith. Sekali gus memberi ruang dan peluang kepada pencinta ilmu dan penyelidik dalam membahaskan kesenian dan kepentingan ilmu sanad al-Quran terutamanya pengajian al-Quran di Malaysia.

Kata Kunci: Talaqqi, Sanad, Kepentingan

1. PENGENALAN

Kedudukan sanad juga merupakan sesuatu hal yang terpenting di kalangan ahli ilmu. Sanad juga merupakan pemberian yang khusus untuk umat Nabi Muhammad saw yang mana tidak diberikan kepada mana-mana umat sebelum nabi Muhammad saw. (Muhammad Sidi: 2013) bertepatan dengan dalil al-Quran di bawah ini:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِبْحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ
تَدْمِينًا ٦

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang Fasik membawa suatu berita, Maka selidikilah (untuk menentukan) kebenaran supaya kamu tidak menimpakan suatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu mengenainya sehingga menyebabkan kamu menyesali apa yang telah kamu lakukan. (al-Hujurat: 49: 6)

مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ ٢٨٢

Maksudnya: Dari orang yang kamu setuju menjadi saksi. (al- Baqarah 2:282)

وَأَشْهَدُوا ذَوَىٰ عَدْلٍ مِّنكُمْ ٢

Maksudnya: Dan adakanlan dua orang saksi yang adil di antara kamu. (al-Tallaq 65:2)

Sayugia dimaklumkan bahawa sanad merupakan sesuatu yang terpenting di kalangan ulama silam terutamanya ulama' Hadis. Ada beberapa pendapat ulama yang mementingkan sanad antaranya ialah Imam al-Auza'i mengatakan bahawa tidak akan berlalu sesuatu ilmu kecuali berlalunya sanad, al-Hafiz Yazid bin Zari' mengatakan bahawa setiap agama mempunyai tonggak, dan tonggak bagi agama ini ialah golongan pemegang sanad (Muhammad Sidi: 2013).

2. PENGERTIAN TALAQQI, IJAZAH ATAU SYAHADAH DAN SANAD DALAM PENGAJIAN AL-QURAN

Kaedah pengajian yang diamalkan di kalangan ulama' silam adalah menerusi tiga method utama iaitu talaqqi, ijazah atau syahadah, dan sanad. Ketiga-tiga method ini merupakan method utama dalam pengajian samada dalam bidang al-Quran mahupun bidang hadis. Oleh itu ketiga-tiga method ini mempunyai maksud dan peranan yang tersendiri dalam pengajian. Justeru, perbincangan terhadap pengertian talaqqi, ijazah, dan sanad diperincikan seperti di bawah

2.1 Definisi Talaqqi al-Quran

Talaqqi التَّلَقِّي merupakan perkataan yang diambil daripada kata dasar لَقِيَ iaitu pertemuan. (Farahat, 2005)

Dari segi istilah pula, talaqqi bererti pengambilan (bacaan al-Quran) daripada seorang yang dipercayai daripada guru yang dipercayai dan seorang imam daripada imam sehinggalah kepada Nabi Muhammad saw. (al-Zurqani, 2001) Berkata (al-Majidi, 2000) talaqqi ialah suatu metode pembelajaran lafaz-lafaz al-Qur'an di mana seorang guru akan membacakan sepotong ayat kepada murid, lalu murid tersebut akan membacakan semula ayat tersebut dengan cara bacaan guru tadi.

Berdasarkan kepada dua takrifan di atas, dapat disimpulkan bahawa talaqqi al-Quran ialah suatu proses pembelajaran bacaan al-Quran yang melibatkan seorang murid membaca al-Quran di hadapan seorang guru lalu guru akan memperbetulkan bacaan murid tersebut. Proses ini juga dikenali sebagai *Musyafahah* iaitu mempelajari bacaan al-Quran di hadapan guru secara lisan. (Dzulkifli & Abdul Ghani, 2011)

2.1.1 Hukum Talaqqi al-Quran

Perspektif ilmu Tajwid, hukum amalan talaqqi al-Quran ini dilihat oleh sebahagian ulama sebagai wajib (al-Majidi, 2000). Antara hujah dan dalil yang menguatkan pandangan tersebut ialah:

1. Firman Allah SWT di dalam surah al-Furqan, ayat 32:

وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا ۚ

Maksudnya: dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu.

2. Firman Allah SWT di dalam surah al-Naml, ayat 6:

وَإِنَّكَ لَلْأُولَىٰ لَشَأَىٰ الْقُرْآنَ مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ۖ

Maksudnya: Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) diberikan menyambut dan menerima Al-Quran dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui.

3. Daripada Abu Hurairah ra, Aisyah ra telah meriwayatkan bahawasanya Jibril as membentangkan bacaan al-Quran kepada Nabi saw sekali pada setiap tahun dan pada tahun baginda wafat sebanyak dua kali. (al-Bukhari, 2001)
4. Gesaan Nabi saw untuk mempelajari al-Quran daripada empat orang sahabat. Sabda baginda:
«خُذُوا الْقُرْآنَ مِنْ أَرْبَعَةٍ مِنْ ابْنِ أُمِّ عَبْدِ وَمُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ وَأَبِي بِنِ كَعْبٍ وَسَالِمِ مَوْلَى أَبِي حُدَيْفَةَ»
Maksudnya: Ambillah (pelajarilah) al-Quran daripada empat sahabat iaitu Ibn Ummi ‘Abd, Mu’adz bin Jabal, Ubai bin Ka’ab dan Salim Maula Abi Huzaifah. (al-Naisaburi, 2001)
5. Berkata Abu ‘Amr bin al-‘Ala’: “Tidaklah aku membaca satu huruf melainkan daripada *athar* dan mendengar serta memperdengarkan bacaan”. (Wahban, 2004)
6. Berkata ‘Urwah bin al-Zubair ra: “Sesungguhnya bacaan al-Quran itu ialah satu sunnah daripada sunnah Nabi saw. Maka bacalah al-Quran sebagaimana kamu diajar membacanya”.

2.1.2 Pembahagian Kaedah Talaqqi al-Quran

Seseorang qari al-Quran yang bagus bacaannya tidak terhasil secara semulajadi. Beliau perlu melalui proses talaqqi secara berguru dalam memperbetulkan sebutan makhraj dan sifat huruf serta memperbaiki bacaannya agar lebih berkualiti dan menepati bacaan yang diajar oleh Nabi Muhammad saw.

Menurut (al-Salum, 2010), terdapat empat jenis atau kaedah talaqqi al-Quran di sisi para Qurra’ iaitu:

1. Al-Talqin (التَلْقِينُ)

Iaitu memberi kefahaman. Talqin al-Quran pula bermaksud guru membaca ayat al-Quran sambil didengari oleh murid dengan teliti dan membaca kembali bacaan guru. Kaedah ini merupakan proses pembelajaran al-Quran yang paling tinggi dan diamalkan secara meluas sejak daripada penurunan wahyu melalui perantaraan Jibril as sehinggalah pada zaman Qurra’. Antara mereka yang menggunakan kaedah talqin ini ialah Qalun daripada Nafi’. Berkata (al-Jarmi, 2001), Imam Ibn al-Jazari turut mentalqinkan bacaannya kepada muridnya yang ramai ketika beliau berada di Kaherah lalu muridnya membaca kembali bacaan beliau.

2. Al-‘Ardh (العَرْضُ)

Iaitu membaca di hadapan guru. Kaedah memperdengarkan bacaan al-Quran di hadapan guru merupakan salah satu jenis talaqqi yang masyhur dan diamalkan sehingga ke hari ini. Apabila seorang pembaca memperdengarkan bacaannya di hadapan guru, maka guru akan mendengar dan memperbetulkan kesalahan bacaannya sama ada kesalahan kecil mahupun kesalahan besar.

3. Al-Sam’ (السَّمْعُ)

Iaitu mendengar bacaan guru. Kaedah ini menuntut agar pembaca mendengar bacaan guru dengan baik tanpa perlu mengulangi bacaan tersebut kepada guru. Antara imam Qiraat yang

menggunakan kaedah ini ialah Imam al-Kisaie apabila kehadiran anak muridnya yang terlalu ramai sehinggakan sukar untuk menyemak bacaan seorang demi seorang. (al-Jarmi, 2001) Hal ini agak mudah dilaksanakan kerana umat Islam pada zaman dahulu agak fasih dan tepat dari segi bacaan al-Quran dan sebutan makhraj serta penguasaan mereka terhadap hukum Tajwid dan Qiraat. Namun begitu, kaedah ini tidak sesuai diamalkan pada zaman sekarang. (Dzulkifli & Abdul Ghani, 2011)

4. Riwayah al-Huruf (رَوَايَةُ الْحُرُوفِ)

Iaitu meriwayatkan huruf daripada guru yang mursyid tanpa perlu membaca di hadapannya. Kaedah ini amat jarang dilakukan kerana ia melibatkan bacaan Qiraat di dalam kitab seperti Abu Bakr Syu'bah bin 'Ayyash daripada 'Asim al-Najjud, di mana beliau tidak mengijazahkan sanad bacaan beberapa tempoh sebelum kewafatan beliau. Lalu periwayatan huruf bagi bacaan Syu'bah ialah melalui *Toriq* Yahya bin Adam yang bertalaqqi secara langsung dengan beliau.

2.2 Definisi Ijazah

Perkataan *ijazah* (الإجازة) merupakan perkataan yang diambil daripada kata dasar (أَجَزَ) iaitu memberi izin kepada seseorang. (al-Tahanawi, 1996) Adapun (الإجازة) itu mempunyai beberapa pengertian iaitu:

Pertama: Melaksanakan urusan dan pandangan, dikatakan (أَجَزَ رَأْيَهُ) iaitu melaksanakannya.

Kedua: Anugerah dan pemberian, dikatakan (أَجَزَ يُجِيزُهُ) iaitu memberi. Apabila seorang guru mengijazahkan muridnya bererti dia memberi izin kepadanya periwayatan sesuatu. (al-'Arab, 1989)

Dari segi istilah pula, perkataan (الإجازة) mempunyai beberapa pengertian dan huraian yang berbeza mengikut disiplin ilmu dan kajian. Antaranya ialah:

Pertama: Ijazah dari perspektif ilmu Hadis

Asal penggunaan istilah *ijazah* ialah dari disiplin ilmu Hadis. Menurut imam al-Syumunni sebagaimana yang dinukilkan oleh imam al-Suyuti, perkataan *ijazah* (الإجازة) dari segi istilah ialah memberi izin dalam meriwayatkan sesuatu sama ada lafaz mahupun tulisan, dan ia boleh digunapakai secara umum. (al-Suyuti J. '-R., 2003)

Adapun rukun *ijazah* (الإجازة), imam al-Suyuti membahagikannya kepada empat rukun iaitu pengijazah, penerima *ijazah*, sesuatu yang diijazah dan lafaz *ijazah*. (al-Suyuti J. '-R., 2003) Namun, pandangan ini disanggah oleh imam al-Tahanawi dengan katanya: “Rukun *ijazah* (الإجازة) itu terbahagi kepada tiga iaitu pengijazah, penerima *ijazah* dan sesuatu yang diijazah. Adapun lafaz *ijazah* sebenarnya tidak disyaratkan. (al-Tahanawi, 1996)

Menurut imam Ibn al-Jazari, lafaz *ijazah* (الإجازة) terbahagi kepada empat. Kata beliau: “Dan yang paling tinggi bagi penerima *ijazah* ialah keizinan dan kelayakan, kemudian *ijazah* dan kelayakan, kemudian keizinan sahaja dan yang terakhir ialah *ijazah* sahaja. Diharuskan lafaz itu ialah: “أَجَزْتُ لَهُ أَنْ يُقْرَأَ بِكَذَا” iaitu “Aku mengijazahkan baginya untuk mengajar bacaan”. (al-Jazari, 1999)

Kedua: Ijazah dari perspektif ilmu Qiraat

Ijazah (الإجازة) dari sudut ilmu Qiraat pula ialah proses perpindahan bacaan al-Quran secara turun temurun dari satu generasi ke generasi yang lain iaitu dengan penyaksian pengijazah bahawa bacaan penerima ijazah menepati bacaan sebenarnya. Kemudian beliau memberi izin kepada penerima ijazah untuk mengajarkan bacaan al-Quran itu kepada orang lain. (Hijazi, 2005) Berkata Ibrahim bin Sa'id al-Dausari: "Ijazah (الإجازة) ialah keizinan bagi seseorang qari untuk mengajar satu *riwayah* atau lebih, dan ia disyaratkan secara *musyafahah* kerana pada Qiraat terdapat bacaan yang tidak boleh dihukum melainkan secara pengambilan *musyafahah*. (al-Dausari, 2008)

Dalil bagi amalan ijazah bacaan al-Quran ini ialah:

1. Firman Allah SWT di dalam surah al-Naml, ayat 6:

وَإِنَّكَ لَلْأُولَىٰ لَقَدْ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ مِنَ لَدُنْ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ٦

Maksudnya: Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) diberikan menyambut dan menerima Al-Quran dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui.

2. Firman Allah SWT di dalam surah al-Qiyamah, ayat 18:

فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ١٨

Maksudnya: Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.

Berkata imam al-Tabari (Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Aay al-Quran, 2001) ketika mentafsirkan ayat di atas; "Maka apabila Kami menurunkannya (al-Quran) kepadamu maka dengarkanlah bacaan tersebut".

3. Berkata Abu 'Amr bin al-'Ala': "Tidaklah aku membaca satu huruf melainkan daripada *athar* dan mendengar serta memperdengarkan bacaan". (Ahasin al-Akhbar fi Mahasin al-Sab'ah al-Akhyar, 2004)

Berdasarkan kepada dua takrifan di atas, dapat disimpulkan bahawa pengertian ijazah (الإجازة) dari sudut ilmu Hadis berbeza dari pengertiannya dalam disiplin ilmu Qiraat, di mana bacaan al-Quran merupakan sesuatu yang tidak boleh dihukum melainkan secara pengambilan talaqqi dan *musyafahah*. Bahkan, seseorang qari itu dilarang mengijazah sanad al-Quran kepada seseorang yang tidak mengambilnya secara talaqqi dan *musyafahah*. Menurut imam Ahmad bin Muhammad al-Banna, tidak memadai bagi seseorang itu hanya mendengar bacaan gurunya sahaja meskipun ia dibenarkan dalam disiplin ilmu Hadis, kerana yang objektifnya ialah teknik sebutan, dan bukan semua orang yang mendengar bacaan guru mampu menyebutnya secara sempurna. (Ithaf Fudhala' al-Bashar fi al-Qiraat al-Arba'ah 'Asyar, 2006)

2.2.2 Definisi Syahadah

Syahadah (شهادة) merupakan kata kerja bagi kata perbuatan (شهادة) iaitu menyaksikan. Berkata Muhammad bin Abi Bakr al-Razi (Mukhtasar al-Sihhah, 1995) syahadah ialah perkhabaran yang

pasti, dengan ucapan: “Aku menyaksikan yang demikian”. Syahadah juga dikenali dengan Ijazah. Berkata Imam Jalaluddin al-Suyuti (al-Itqan fi 'Ulum al-Quran, 1974): “Maka dijadikan ijazah itu seperti syahadah daripada Syeikh bagi penerima ijazah dengan kelayakan dalam mengajar bacaan al-Quran”. Dalam menghuraikan perkara ini, Dr. Dakhil bin ‘Abdillah al-Dakhil berpandangan bahawa ijazah atau syahadah ini merupakan pengiktirafan dan penyaksian bagi si pembaca al-Quran atas bacaannya yang tepat dan bagus. (Iqra' al-Quran al-Karim; Manhajuhu wa Syurutuhu wa Asalibuhu wa Adabuhu, 2008)

Berdasarkan kepada definisi dan pandangan ulama di atas, dapat difahami bahawa syahadah dan ijazah membawa pengertian yang sama sebagai pengakuan daripada seseorang kepada seseorang yang lain atas kelayakannya.

2.2.3 Pembahagian Ijazah atau Syahadah

Isu yang cuba diutarakan di dalam kajian ini bukanlah tertumpu kepada keaslian dan keabsahan sesuatu ijazah sanad al-Quran tetapi memberi fokus kajian kepada salah faham dan tanggapan masyarakat terhadap syahadah khas dan syahadah am dalam bacaan al-Quran al-Karim. Hal ini adalah kerana pengijazahan sanad al-Quran adalah berbeza daripada ijazah sanad dalam disiplin ilmu Hadis, sebagaimana yang telah dihuraikan sebelum ini.

Adapun pembahagian ijazah atau syahadah dalam bacaan al-Quran, para sarjana dan ulama Qiraat berselisih pandangan dalam menentukan jenisnya berdasarkan kepada beberapa faktor:

Pertama: Guru mengijazahkan sanad al-Quran kepada murid yang membacanya secara khatam

Kedua: Guru mengijazahkan sanad al-Quran kepada murid yang membaca sebahagian daripadanya

Ketiga: Guru memberi syahadah kepada bacaan al-Quran murid tanpa mengijazahkan sanadnya

2.2.4 Syahadah Khas dan Kriterianya

Syahadah Khas atau Ijazah Khas ialah persaksian yang bersifat khusus dengan lafaz yang tertentu seperti: “Aku mengijazahkan kamu/ mengijazahkan bagi kamu dan sebagainya”. (al-Maliki A. 'l.-R., 2014) Para sarjana dan ulama Qiraat berselisih pandangan dalam meletakkan syarat kelayakan bagi penerima ijazah khas. Hal ini adalah kerana penerima syahadah khas atau ijazah khas ini mendapat persaksian (الإشهاد) daripada *muqri'* atas kesahihan bacaannya dan keizinan untuk menganugerahkan sanad kepada orang lain sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

Menurut Syeikh Usamah Hijazi Kailani (Hal al-Tajwid Wajib, 2005), terdapat beberapa syarat yang perlu dilaksanakan oleh penerima ijazah sebelum mendapat ijazah iaitu:

1. Menghafaz al-Quran secara sempurna 30 juz kerana ia merupakan amalan warisan sejak daripada penurunan wahyu al-Quran. Sekiranya, seseorang yang tidak menghafaz al-Quran 30 juz dan ingin memperoleh ijazah dengan membaca al-Quran, maka beliau tidak menepati syarat utama tersebut kerana kesambungan susur jalur sanad ialah mereka yang menghafaz al-Quran. Sekiranya beliau membaca al-Quran dengan tajwid yang sempurna dan ingin memperoleh ijazah, maka dibenarkan untuk mengijazahkan sanad kepadanya dengan syarat (شهادة في تجويد القرآن) iaitu persaksian pada tajwid al-Quran, dengan penjelasan bahawa si fulan telah membaca al-Quran secara khatam dengan bacaan dan tajwid yang sempurna.

2. Menghafaz *Matan al-Muqaddimah al-Jazariyyah* dan memahami huraiannya. Hal ini adalah kerana membaca al-Quran perlukan kepada kaedah atau metode tertentu dalam bacaan seperti makhrāj al-Huruf dan sifatnya. Namun begitu, sebahagian ulama tidak mengehendkan kepada *Matan al-Muqaddimah al-Jazariyyah* sahaja dan memadai dengan mana-mana kitab tajwib sebagai rujukannya. (al-'Umar, 2006)
3. Membaca al-Quran secara khatam, huruf demi huruf, dari surah al-Fatihah sehingga ke surah al-Nas, bersama menjaga hukum tajwid dan *waqf ibtida'*. Adapun sesiapa yang membaca sebahagian sahaja daripada al-Quran lalu mendapat ijazah, maka amalan ini tidak sah kerana pada bacaan al-Quran terdapat sebutan dan hukum yang tidak diketahui melainkan secara talaqqi dan *musyafahah* seperti hukum *al-Raum* dan *al-Isymam* pada ayat 11, surah Yusuf, hukum *Imahlah Kubra* pada ayat 41, surah Hud da hukum *Tashil* pada ayat 44, surah Fussilat. Namun begitu, sekiranya dinyatakan “si fulan telah membaca sekian dan sekian lalu aku mengijazahkan padanya”, maka ia dibenarkan.

Pengijazahan sanad al-Quran dilakukan secara lisan dan bertulis. Meskipun terdapat sedikit perbezaan metode yang disampaikan oleh seseprang *muqri'* kepada muridnya, namun kriteria dan ciri ijazah khas itu masih lagi dikekalkan sehingga ke hari ini. Berikut ialah beberapa rukun dan kriteria ijazah khas: (al-Maliki A. '-R., 2014)

1. Syeikh akan menulis tajuk ijazah di awal kertas ijazah. Sebahagian mereka juga menulis namanya dan nama murid.
2. Kemudian, syeikh memulakan ucapan dengan *basmalah*, *hamdalah*, selawat dan khutbah ringkas, kemudian (أَمَّا بَعْدُ).
3. Selepas itu, syeikh menulis nama penuhnya dan gelarannya dengan lafaz (الْبْن).
4. Syeikh menulis nama penuh murid dan menyatakan bahawa si fulan bin si fulan telah datang kepadanya dan membaca sekian dan sekian (tempat bacaan al-Quran perlu dinyatakan), metode bacaan (hafazan atau melihat mushaf perlu dinyatakan), mengikut riwayat sekian (riwayat Qiraat perlu dinyatakan), mengikut *toriq* (perlu dinyatakan) atau *Jam' al-Qiraat* (sekiranya murid membacanya).
5. Sebahagian mereka menulis tarikh mula dan tamat bacaan serta tempat.
6. Selepas itu, syeikh akan mengijazahkan murid dengan lafaz (أَجَزْتُهُ – أَجَزْتُ لَهُ) dan jenisnya iaitu ijazah bacaan dan mengajar bacaan atau ijazah bacaan sahaja.
7. Sebahagian daripada syeikh menulis sifat dan akhlak murid sebagai kelayakan beliau untuk menerima ijazah.
8. Syeikh akan menyebut nama-nama guru beliau dengan lafaz (عَنْ). Ada antara mereka yang menyatakan latar belakang serta pengalaman mereka dalam bertalaqqi al-Quran dengan guru-guru mereka.
9. Kemudian, dinyatakan susur jalur sanad syeikh dalam bacaan atau riwayat yang diperoleh.
10. Sebahagian daripada syeikh menulis sanad mereka bersambung sehingga kepada Tuhan sekalian alam, sebahagian mereka pula memadai sanadnya ditulis sehingga kepada nabi Muhammad saw, dan ada yang menyandarkan sanad mereka kepada Imam Abu 'Amr al-Dani menerusi kitab beliau “*al-Taisir*” atau kepada Imam Ibn al-Jazari di dalam kitab

beliau “*al-Nashr*”. Adapun pandangan Syeikh al-Maliki, yang lebih utama ialah sanad seseorang itu ditulis secara bersambung sehingga kepada nabi Muhammad saw atau Tuhan sekalian alam.

11. Kemudian, syeikh akan menulis beberapa nasihat dan wasiat kepada murid dan syarat pengijazahan kepadanya.
12. Kemudian, doa diringkaskan kepada murid dan seluruh kaum muslimin.
13. Ucapan selawat dan *tahmid* mengakhiri ijazah khas.
14. Syeikh akan menandatangani ijazah khas, tarikh khatam dan cop rasmi syeikh.
15. Sebagai penutup proses pengijazahan sanad al-Quran, murid akan melafazkan ucapan tertentu sebagai bukti penerimaan ijazah khas.

2.2.5 Syahadah Am dan Kriterianya

Syahadah Am atau Ijazah Am ialah persaksian yang bersifat umum seperti ucapan: “Aku mengijazahkan kamu semua atau setiap daripada kamu”. Syahadah Am ini tidak mewajibkan kepada para penerimanya dengan syarat atau kriteria tertentu kerana ia berbentuk perkhabaran sanad bacaan bersambung secara umum.

Meskipun penerima syahadah am ini mendapat penyaksian sanad bacaan secara umum, seseorang itu tidak diberi keizinan untuk menganugerahkan sanad bacaan atau mengajar bacaan atau mengeluarkan pandangan tentang bacaan seperti soal jawab dan mengeluarkan fatwa, sebagaimana yang diamalkan di dalam syahadah khas. (al-Suyuti J. '-R., 2003) Menurut Imam Abu al-Qasim al-Nuwairi, sebahagian ulama mengharuskan amalan syahadah am ini seperti Abu ‘Abdillah bin Mandah, Abu al-Fadhl al-Baghdadi, Ibn Rushd al-Maliki, Abu Tahir al-Salafi dan sebagainya. (Syarh Tayyibah al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr, 2003)

Berikut ialah beberapa contoh syahadah am yang diamalkan oleh para sarjana dan ulama Qiraat dengan lafaz (أَجَزْتُ) iaitu aku mengijazahkan, tanpa sebutan sanad dan tanpa keahlian untuk menganugerahkan ijazah kepada orang lain:

1. Ijazah Am bagi kitab. Sebagai contoh ijazah *Tayyibah al-Nashr* oleh Imam Ibn al-Jazari di dalam Bab al-Takbir: (2000)

وَقَدْ أَجَزْتُهَا لِكُلِّ مُقْرِي # كَذَا أَجَزْتُ كُلَّ مَنْ فِي عَصْرِي #

Dr. Muhammad Salim Muhaisin di dalam kitab al-Hadi menjelaskan: “Penulis (Imam Ibn al-Jazari memberitahu bahawa beliau mengijazahkan kepada semua *muqri*’ di semua negara, untuk meriwayatkan syair ini daripadanya, membacakannya dan mengajar bacaannya, iaitu sesiapa yang mengijazhkannya dengan ijazah *ammah*”. (al-Hadi Syarh Tayyibah al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr, 1997)

2. Ijazah Am bagi bacaan surah tertentu di dalam al-Quran oleh *Muqri*’. Sebagai contoh ijazah surah al-Fatihah oleh Syeikh Muhammad Kurayyim Rajih, di mana beliau menggunakan kaedah talaqqi al-Quran yang paling tinggi iaitu al-Talqin (التَلْقِينُ). Kemudian, beliau mengijazahkan bacaan surah al-Fatihah kepada para pembaca dengan lafaz:

أَرْجُو اللَّهَ تَعَالَى أَنْ تَقْرُؤُوا كَمَا قَرَأْتُمْ، وَحِينَئِذٍ أَنَا أَجَزُّكُمْ بِقِرَاءَةِ سُورَةِ الْفَاتِحَةِ

Maksudnya: Aku berharap kepada Allah Taala agar kamu semua membaca sebagaimana yang telah kamu baca, dan ketika itu aku mengijazahkan kamu semua dengan bacaan surah al-Fatihah. (Alitisam, 2013)

Berdasarkan kepada dua contoh di atas, dapat disimpulkan bahawa syahadah am atau ijazah am ini merupakan pengiktirafan dan pengakuan syeikh atas bacaan muridnya secara umum, dengan lafaz tertentu, tanpa menyebut susur jalur sanad bacaan dan tanpa memberi keizinan untuk mengijazahkan kepada orang lain. Hal ini adalah kerana kelayakan untuk memperoleh sanad bacaan al-Quran dan layak untuk mengijazhkannya kepada orang lain ialah membaca al-Quran di hadapan guru secara khatam. Berkata Syeikh Yasir Ibrahim al-Mazru'ie: "Ijazah bagi riwayat bacaan ialah seseorang yang membaca al-Quran secara khatam iaitu bermula dari surah al-Fatihah sehingga ke surah al-Nas di hadapan Syeikh". (al-Tibyan li man Tolaba Ijazah al-Quran, 2003)

2.3 Definisi Sanad

Sanad berasal dari kata kerja bahasa Arab iaitu (سَدَّ) yang bermaksud bertelekan, berteleku, bersandar dan menyandarkan. Adapun kata nama sanad (سَنَدٌ) pula bermaksud tempat sandaran. (Mu'jam al-Wasit, 2003) Istilah sanad (سَنَدٌ) seringkali dinisbahkan kepada ilmu Hadis. Menurut pandangan ulama Hadis, sanad (سَنَدٌ) dikenali sebagai rangkaian perawi-perawi hadis yang meriwayatkan hadis daripada seseorang daripada seseorang sehinggalah sampai kepada Rasulullah saw. (Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadis, 1997)

Sanad al-Quran pula digunapakai di kalangan ulama Qiraat yang merujuk kepada rangkaian *muqri'* daripada *muqri'* sehingga sampai kepada Rasulullah saw. Berkata Syeikh Badr al-Din: "Dan adapun sanad (سَنَدٌ) dari segi istilah qurra' ialah penyaksian daripada guru pengijazah bagi pelajar yang diberi ijazah bahawa beliau telah membaca al-Quran di hadapannya secara khatam bersama menjaga hukum tajwid, penelitian dan boleh membeza *mutasyabihat*, lalu dia layak untuk mengajarkannya kepada orang lain, sama ada satu riwayat seperti riwayat Qalun daripada Nafi', riwayat Hafis daripada 'Asim, riwayat Khalaf daripada Hamzah, ataupun Qiraat yang tujuh daripada *Toriq al-Syatibyyah*, ataupun Qiraat yang tiga daripada *Toriq al-Durrah*, ataupun Qiraat yang sepuluh daripada *Toriq al-Nashr*." (al-Qiraat al-Quraniyyah, 2014) Dalam pengertian yang lebih khusus, sanad atau *isnad* bermaksud sandaran, sijil tauliah atau kesaksian dalam penerimaan sesuatu bacaan al-Quran. (al-Jazari, Toyyibah al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr, 2002)

Takrifan sanad al-Quran di atas menjelaskan kepada kita bahawa ia merupakan keistimewaan yang eksklusif umat Islam sebagai asas pengiktirafan bacaan al-Quran daripada seorang *muqri'* daripada *muqri'* sehinggalah sampai kepada Rasulullah saw, sama ada menurut satu riwayat bacaan mahupun kepelbagaian Qiraat yang lain yang bersifat mutawatir sebagaimana diwahyukan kepada baginda saw. Secara umumnya, guru yang memberi sanad akan memastikan pelajar sudah mengkhatamkan al-Quran dan membacanya dengan lidah yang fasih, menguasai ilmu Tajwid dan memahami kaedah *Waqf* dan *Ibtida'*. Namun terdapat juga sebahagian guru yang mensyaratkan agar pelajar membaca al-Quran secara hafazan tanpa melihat kepada mushaf.

Berbalik kepada isu sanad al-Quran, kebanyakan sanad yang diijazahkan pada zaman mutakhir ini boleh dikatakan melalui seorang pakar Qiraat dan syeikh al-Qurra' di Mesir iaitu Syeikh Mutawalli yang meninggal dunia pada tahun 1313H. Beliau merupakan guru al-Quran yang tersohor pada zaman tersebut dan antara muridnya yang terakhir ialah Syeikh Muhammad Makki

Nasr (penulis kitab Tajwid yang berjudul *Nihayah al-Qaul al-Mufid*) dan Syeikh ‘Abd al-Fattah Hunaidi. (Guru Al-Quran Profesional, 2014)

Antara contoh rangkaian sanad al-Quran yang diijazahkan oleh seorang *muqri*’ kepada muridnya ialah:

Sanad al-Quran Riwayat Hafs ‘an ‘Asim Menurut Toriq al-Syatibiyah

رَبُّ الْعِزَّةِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى

جَبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

عَلِيُّ بْنُ أَبِي طَالِبٍ الْهَاشِمِيُّ (ت40ه)

أَبُو عَبْدِ الرَّحْمَنِ السُّلَمِيُّ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ حَبِيبٍ (ت74ه)

عَاصِمُ بْنُ أَبِي النَّجُودِ أَبُو بَكْرِ الْكُوفِيُّ (ت127ه)

حَفْصُ بْنُ سُلَيْمَانَ الْمُغِيرَةَ الْأَسَدِيُّ (ت180ه)

عُبَيْدُ بْنُ الصَّبَّاحِ أَبُو مُحَمَّدٍ النَّهْشَلِيُّ (ت235ه)

أَحْمَدُ بْنُ سَهْلٍ الْأَسْنَانِيُّ (ت307ه)

عَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدٍ الْهَاشِمِيُّ (ت368ه)

طَاهِرُ بْنُ عَبْدِ الْمُنْعِمِ ابْنِ غَلْبُونٍ (ت388ه)

عُثْمَانُ بْنُ سَعِيدٍ أَبُو عَمْرٍو الدَّانِيُّ (ت444هـ)

أَبُو دَاوُدَ سُلَيْمَانَ بْنِ نَجَاحٍ (ت496هـ)

عَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنِ عَلِيِّ ابْنِ هُذَيْلِ الْبَنْسِيِّ (ت564هـ)

الْقَاسِمُ بْنُ فَيْرُوهِ بْنِ خَلْفِ بْنِ أَحْمَدَ الشَّاطِئِيِّ (ت590هـ)

3. KEPENTINGAN SANAD DAN TALAQQI AL-QURAN BERDASARKAN ILMU TAJWID

Umat Islam dituntut untuk membaca al-Quran dalam apa jua keadaan dan situasi. Samada dalam keadaan susah dan senang, lapang dan sibuk, atau siang dan malam. Pembacaan al-Quran seharusnya bersesuaian dengan hukum tajwid yang mana ilmu tajwid merupakan fardu kifayah dalam mempelajarinya manakala beramal denganya merupakan fardu ain ke atas setiap muslim. Oleh itu, wajarlah bagi setiap muslim mempelajari ilmu tajwid bagi memenuhi keperluan atau hak-hak bagi pembaca al-Quran. Bertepatan dengan firman Allah swt dalam surah al-Muzammil ayat 4 berikut:

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً ،

Maksudnya: Bacalah Al Quran itu dengan perlahan-lahan.

Saidina Ali bin Abi Talib mentafsirkan kalimah (الترتيل) dengan mengatakan bahawa perelok sebutan huruf dan mengetahui tepat waqaf. (Muhammad Makki Nasra: 2003)

Tuntutan membaca al-Quran haruslah mengikut kaedah bacaan yang betul dan tepat mengikut Ilmu Tajwid yang telah disusun oleh para ulama qurra'. Ilmu Tajwid diperkenalkan adalah pada akhir qurun yang ke tiga hijrah oleh Abi Mazahim al-Khaqani setelah berlaku banyak pembukaan kota islam dan percampuran orang islam di kalangan orang Arab dan orang selain Arab.

Oleh yang demikian, terdapat pelbagai versi bacaan atau qiraat yang diterima bertujuan untuk memudahkan umat islam mempelajari dan membaca al-Quran. Ulama' qurra' telah sepakat dalam menentukan bacaan atau qiraat yang menepati tiga syarat utama antaranya ialah bacaan itu mestilah berstatus mutawatir, bertepatan dengan bahasa arab, dan bertepatan dengan Mushaf Uthmani. (Abdul Baki bin Abdul Rahman, Ibrahim bin Said). Setiap bacaan qiraat tersebut mempunyai kaedah bacaan yang tersendiri yang bertepatan dengan Ilmu Tajwid.

Di samping itu, ulama' qurra' membahagikan ilmu tajwid kepada dua bahagian utama iaitu Ilmu Tajwid secara amali (teori) dan Ilmi (praktikal). Mempelajari Ilmu Tajwid samada secara amali (teori) atau Ilmi (praktikal) merupakan satu tuntutan kepada pembacaan al-Quran manakala

kesempurnaan dalam mempelajari Ilmu Tajwid adalah menerusi talaqqi di hadapan guru. Talaqqi di hadapan guru merupakan salah satu keadah yang diamalkan pada zaman Nabi Muhammad saw sehingga kini. Melalui proses tersebut maka terdapat rantaian sanad yang bersambung secara langsung kepada Nabi Muhammad saw terus kepada Malaikat Jibril a.s dan terus kepada Allah swt (Ahmad Mahmood: 2003). Manakala maksud sanad di sisi ulama' qurra' adalah sesuatu rantaian perawi yang berpindah bacaan, riwayat, tariq, dan wajah bacaan daripada masdar yang pertama. (Muhammad Sidi: 2013)

Dalam pada itu, kaedah penerimaan sanad al-Quran adalah sama dengan kaedah penerimaan sanad al-Hadith. Antara perasamaan yang terdapat di antara al-Quran dan al-Hadith adalah seperti mana yang dijelaskan oleh al-Imam al-Sayuti iaitu mendengar daripada lafaz syaikh, membacanya dihadapan syaikh, mendengar daripada syaikh melalui bacaan orang lain, pengendalian, pengijazahan, penulisan, wasiat, pemberitahuan, dan pengesahan daripada syaikh. (Abdullah Hussain: 2013). Tambahan juga, ulama berpendapat bahawa pengriwatan atau pemindahan al-Quran mengikut kaedah al-Hadith adalah harus supaya bebas daripada penyelewengan, perubahan, dan penipuan. (Abdullah Hussain: 2013).

4. RUMUSAN

Secara keseluruhannya, keperluan dan kepentingan terhadap sanad al-Quran menjadi salah satu seni dalam al-Quran. Di samping itu, al-Quran juga mementingkan sanad seperti mana yang dipelajari dalam bidang al-Hadith. Namun masih terdapat perbezaan dalam menentukan sanad al-Quran. Tidak seperti sanad al-Hadith yang sedia maklum. Salsilah sanad al-Quran dapat disandarkan atau diterima oleh mereka yang seawal satu tahun. Sepertimana yang telah dijelaskan oleh Ibn Jazari yang mana terdapat pada sanad Ahmad bin Habbullah bin Ahmad bin Asaskir dari Zainab binti Abdul Rahman al-Hasan sedangkan umurnya ketika itu satu tahun. (Abdullah Hussain: 2013).

Selain itu, Syaikh 'Abd al-Fatah al-Sayyid 'Ajami al-Mirfasi mentarjihkan ilmu tajwid yang melibatkan khilaf di antara ulama qurra' kepada empat pendapat antaranya hukum *lahan khafi*, kalimah لا تأمنا pada surah Yusuf, kalimah نذر pada surah al-Qamar, dan kedudukan waqaf pada khalimah فويل للمصلين (Khairul Anuar: 2014). Penentuan *turuq* dalam sanad juga penting menurut kaedah talaqqi dan pengijazahan samada *turuq* yang disampaikan adalah sama sepertimana yang diterima samada *tariq al-Syatibiy* atau *tariq al-Jazari*. Hal ini kerana kedua-dua *turuq* mempunyai berbezaan di antara satu dengan yang lain. (Shaharuddin Saad: 2012). Oleh yang demikian, sanad al-Quran dapat membantu dalam membezakan khilaf samada di antara yang terdapat dalam ilmu tajwid atau penentuan *turuq* dalam bacaan.

5. RUJUKAN

- (Dr), K. A. (2015, Ogos 6). Pengajian Talaqqi al-Quran Bersanad di Malaysia. (N. b. Alias, Interviewer)
al-Tibyan li man Tolaba Ijazah al-Quran. (2003). Kuwait: Maktabah al-Manar al-Islamiyyah.
Ahmad, A. M., Saleh, M., & Alias, N. (2013). *Muhadarat Fi 'Ilm al-Qiraat*. Bandar Baru Bangi: Darul Syakir Enterprise.
al-'Arab, J. m.-L. (1989). *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*. Kaherah: Larus.

- al-Atrash, M. A. (2004). *al-Ahkam al-Syar'iyyah wa Adabuha li Qurra' al-Quran al-Karim*. Makkah: Dar al-Iman.
- al-Banna, A. b. (2006). *Ithaf Fudhala' al-Bashar fi al-Qiraat al-Arba'ah 'Asyar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bukhari, M. b. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Tauq al-Najah.
- al-Dakhil, D. b. (2008). *Iqra' al-Quran al-Karim; Manhajuhu wa Syurutuhu wa Asalibuhu wa Adabuhu*. Jeddah: Markaz al-Dirasat wa al-Ma'lumat al-Quraniyyah.
- al-Dausari, I. b. (2008). *Mukhtasar al-Ibarat li Mu'jam Mustalahat al-Qiraat*. Riyadh: Dar al-Hadharah.
- al-Din, B. (2014, Februari 2). *al-Qiraat al-Quraniyyah*. Retrieved from al-Utrujjah al-Islamiyyah: <http://otrujja.com/2014-02-02/%D9%85%D8%B9%D9%86%D9%89%D8%A7%D9%84%D8%A5%D8%AC%D8%A7%D8%B2%D8%A9%D8%B9%D9%86%D8%AF-%D8%A7%D9%84%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A1-3/>
- al-Hasani, U. b. (2005). *Hal al-Tajwid Wajib*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- Alitisam. (2013, Ogos 1). *Sheikh Muhammad Kurayyim Rajih (محمد كرتيم بن سعيد بن كريم راجح) - Surah Al-Fatihah*. Retrieved from Youtube.com: <https://www.youtube.com/watch?v=ZCdpEuevJe4>
- al-Jarmi, I. b. (2001). *Mu'jam 'Ulum al-Quran*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- al-Jazari, M. b. (1999). *Munjid al-Muqriin wa Murshid al-Talibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Jazari, M. b. (1999). *Munjid al-Muqriin wa Mursyid al-Talibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Jazari, M. b. (2000). *Tayyibah al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*. Madinah: Maktabah Dar al-Huda.
- al-Jazari, M. b. (2002). *Toyyibah al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- al-Jazari, M. b. (2006). *Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Majidi, A. a.-S.-M. (2000). *Talaqqi al-Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam Alfaz al-Quran al-Karim*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Maliki, A. '-R. (2014, April 16). *Sighah al-Ijazah al-Quraniyyah al-Maktubah*. Retrieved from Sahab.net: <http://www.sahab.net/forums/index.php?showtopic=143388>
- al-Maliki, A. '-R. (2014, April 15). *Sighah al-Ijazah al-Quraniyyah al-Maktubah*. Retrieved from Ajurry.com: <http://www.ajurry.com/vb/showthread.php?t=37546&s=06762ef8922934d08069152811ffaff6>
- al-Nabawi, A. (2010, Mei 10). *AL-Ijazat al-Quraniyyah wa Syurutuha*. Retrieved from tafsir.net: <http://vb.tafsir.net/tafsir19472/#.Vgl1rNwdC2U>
- Al-Nadawi, S. S. (2008). *Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafs 'An 'Asim Melalui Toriq al-Syatibiyyah*. Kuala Lumpur: Prospecta Printers.
- al-Naisaburi, M. b.-H. (2001). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nawawi, Y. b. (1971). *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim al-Hajjaj*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Nawawi, Y. b. (1996). *al-Tibyan fi Adab Hamalah al-Quran*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- al-Nuwairi, M. b.-Q. (2003). *Syarh Tayyibah al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qadhi, A. a.-F. (1997). *Tarikh al-Qurra' al-'Asyarah wa Ruwatihim*. Kaherah: Maktabah al-Kaherah.

- al-Qahirah, M. a.-L. (2003). *Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Dar al-Syuruq al-Dauliyyah.
- al-Qastallani, S. a.-D. (1972). *Lataif al-Isyarat li Funun al-Qiraat*. Kaherah: Lajnah Ihya' al-Turath al-Islami.
- al-Qudhah, M. A., Syukri, A., & Mansour, M. (2001). *Muqaddimat fi 'Ilm al-Qiraat*. Amman: Dar Ammar.
- al-Razi, M. b. (1995). *Mukhtasar al-Sihhah*. Beirut: Maktabah Lubnan Nasyirun.
- al-Salum, A. b. (2010). Turuq Talaqqi al-Quran 'Inda al-Qurra'. *Al-Jundiyy al-Muslim*.
- al-Sayis, M. A. (2002). *Tafsir Ayat al-Ahkam*. Kaherah: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- al-Sofaqasi, ' . a.-N. (1999). *Ghaith al-Naf' fi al-Qiraat al-Sab'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Suyuti, A. a.-R. (1990). *Al-Asybah wa al-Nazair*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Suyuti, A. a.-R. (2003). *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Kaherah: Dar al-Sya'b.
- al-Suyuti, J. '-R. (2003). *Tadrib al-Rawi fi Syarh Taqrib al-Nawawi*. Beirut: Dar Tayyibah.
- al-Tabari, M. b. (2001). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Aay al-Quran*. Kaherah: Dar Hijr.
- al-Tahanawi, M. b.-Q. (1996). *Mausu'ah Kashshaf Istilahat al-Funun wa al-'Ulum*. Beirut: Maktabah Lubnan Nasyirun.
- al-'Umar, M. b. (2006). *Ijazat al-Qurra'*. Riyadh: Dar al-'Asimah.
- al-Zurqani, M. b.-'. (2001). *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Abdullah bin Muhammad Basmeih. 2000. *Tafsir Pimpinan Al-Rahman*. Darul Fikir: Kuala Lumpur.
- Bakr, J. '-R. (1974). *al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Kaherah: al-Haiah al-'Ammah al-Misriyyah.
- Dzul kifli, I. b., & Abdul Ghani, A. (2011). Keperluan Bertalaqqi dan Bermusyafahah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu al-Quran: Satu Tuntutan. *Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan 2011* (p. 15). Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Enok Ratnaningsih. 2012. *Efektivitas metode Drill dan Resitasi dalam Meningkatkan Kefahaman dan Ketarampilan Siswa Terhadap Hukum Bacaan Qolqolah dan Ra' Di SMP Negeri 1 Subang*. Journal Pendidikan Indonesia: Universitas Pendidikan Indonesia.
- Farahat, Y. S. (2005). *Mu'jam al-Tullab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ghani, M. A. (2015, September 11). Kelas Talaqqi Qiraat al-Quran Bersanad. (N. b. Alias, Interviewer)
- Hanbal, A. b. (1999). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Harun, S. I. (2011). Perkembangan Ilmu Qiraat di Malaysia dan Keperluannya di Institusi Pengajian Tinggi. *Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan 2011* (p. 23). Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Hassan, S. S. (2015, September 10). Ijazah Talaqqi Musyafahah Bersanad 30 Juz Al-Quran. (K. A. Mohamad, Interviewer)
- Hasan Mustafa. 2009. *Tuhfatu al-Ikhwan Bima 'Ala Min Asaanid Qura' Haza Zaman*. Muassasah Qurtubah: al-Andalus.
- Hazam bin Said. 2014. *Jama' Saanid Ibn Jazari li Imam al-Muqri' Muhammad bin Muhammad bin Muhammad Ibn al-Jazari*. Riyadh: Jamaah Malik al-Saudi.
- Hijazi, U. Y. (2005). *Hal al-Tajwid Wajib*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- 'Itir, N. a.-D. (1997). *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadis*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Khairul Anuar. 2014. *Pandangan al-Mirfasi Terhadap Beberapa Hukum dalam Ilmu Tajwid Melalui Kitab Hidayah al-Qari ila Tajwid KAlam al-Bari*. Isu-isu kontenperori dalam al-Quran (Qiraat). Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin

- Malaysia, K.P. (2015, Februari 18). *J-QAF*. Retrieved from Wikipedia:
<https://ms.wikipedia.org/wiki/J-QAF>
- Mohamad, K. A., & Al Baghdadi, J. H. (2014). *Guru Al-Quran Profesional*. Bandar Baru Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.
- Muhaisin, M. S. (1997). *al-Hadi Syarh Tayyibah al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*. Beirut: Dar al Jail.
- Muhammad Sidi. 2013. *Al-Isnad 'Inda Ulama' al-Qiraat*. Al-Riyadh: Arab Saudi.
- Muhammad Makki Nasra. 2003. *Nihayatu al-Qaulu al-Mufiid fi Ilmi Tajwid al-Quran al-Majid*. Dar al-Kotob al-Ilmiyah: Beirut, Lebanon.
- Rihab rafaat fauzi. (2009). *Asoh al-Asaānid*. Dar al-Wafa'.
- Shaharuddin Saad, Ikmal Zaidi Hashim dan Muhammad Syafee Salihin Bin Hasan: 2012. *Tajwid al-Quran Perbandingan Tariq all-Syatibi dan Ibnu al-Jazari*. E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization.
- Suwaid, A. R. (2007). *al-Salasil al-Zahabiyah bi al-Asanid al-Nashriyyah*. Jeddah: Dar Nur al-Maktabat.
- Wahban, A. a.-W. (2004). *Ahasin al-Akhbar fi Mahasin al-Sab'ah al-Akhyar*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Zih, Z. b. (2015, September 10). Sijil Talaqqi Al-Quran 30 Juzuk Bersnad. (N. b. Alias, Interviewer)